

Membina Semula Harapan Kerjaya: Kajian Kes Kaunseling Kelompok Kerjaya
Berasaskan Teori Pembelajaran Sosial Krumboltz dan Konsep *Planned Happenstance*
terhadap Klien Bekas Penagih di PUSPEN

Nursyafikah Binti Ag Mohd Kadir¹ & Tuan Norbalkish Tuan Abdullah²

^{1,2}Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Kajian kes ini meneliti keberkesanan pendekatan kaunseling kerjaya berasaskan Teori Pembelajaran Sosial (*Social Learning Theory*) oleh Krumboltz dalam pelaksanaan intervensi kaunseling kelompok kerjaya terhadap individu bekas penagih di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Seramai 11 orang ahli kelompok yang sedang menjalani program pemulihan di PUSPEN telah terlibat dalam empat sesi kaunseling kelompok kerjaya.

Setiap ahli kelompok dikenal pasti menghadapi isu kehilangan pekerjaan dan kekaburan hala tuju kerjaya akibat penglibatan dalam penyalahgunaan dadah. Justeru, matlamat utama intervensi ini adalah untuk meneroka bagaimana pendekatan berasaskan Teori Pembelajaran Sosial dapat membantu mereka membina semula identiti kerjaya, memperkukuh keyakinan diri, serta membuka minda terhadap peluang kerjaya baharu yang mungkin muncul secara tidak terancang.

Dapatan intervensi menunjukkan bahawa Teori Pembelajaran Sosial Krumboltz berpotensi besar membantu klien dalam fasa pemulihan dadah kerana ia menekankan penerokaan fleksibel, pembangunan efikasi sendiri, serta keberanian mengambil tindakan terhadap peluang baharu. Pendekatan ini juga membantu klien melihat pengalaman hidup termasuk kesilapan lampau sebagai sumber pembelajaran dan pembangunan kerjaya, bukan sebagai halangan.

Secara keseluruhannya, implikasi intervensi ini menunjukkan bahawa kaunselor boleh memanfaatkan pendekatan Teori Pembelajaran Sosial Krumboltz untuk membantu individu dalam pemulihan membuat keputusan kerjaya dengan lebih yakin, adaptif, dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan pasca pemulihan.

Kata kunci: Teori Pembelajaran Sosial, Krumboltz, *Planned Happenstance*, Kaunseling Kelompok, Kaunseling Kerjaya, Pemulihan Dadah.